

MAHATHIR-ASEAN

1979

KUALA LUMPUR, 3 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI ASEAN TIDAK BERCADANG BERTINDAK SEBAGAI SATU KEKUATAN TENTERA SEKALIPUN PERANG VIETNAM-INDO CHINA MEREBAK KE NEGARA-NEGARA ASEAN.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU MENEGASKAN ASEAN MERUPAKAN SATU PERTUBUHAN EKONOMI DANN AKAN TERUS BERSIKAP DEMIKIAN.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA, BELIAU MENGULANGI BAHAWA ASEAN BERHARAP PEPERANGAN ITU AKAN TERHAD KEPADA PERSENGKETAAN ANTARA NEGERI CHINA DAN VIETNAM DAN TIDAKLAH MELUAS KEPADA KUSA-KUASA BESAR. 40

KATANYA, +SEKIRANYA PEPERANGAN ITU MELUAS IA BUKAN SAJA MELIBATKAN ASEAN BAHKAN LAIN-LAIN NEGARA DI DUNIA INI+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA MALAYSIA SEPERTI JUGA DENGAN LAIN-LAIN NEGARA ASEAN TELAH MENANDATANGANI PERJANJIAN-PERJANJIAN DUA HALA ANTARA SATU SAMA LAIN BAGI KERJASAMA YANG TERHAD DALAM TIDANG-BIDANG TERTENTU.

+KITA BOLEH BERTINDAK DUA HALA SEKIRANYA KITA RASA TERGUGAT+, JELAS BELIAU. --BERSAMBUNG 1448/BY

~
B544

MAHATHIR-ASEAN 2 KUALA LUMPUR

MENGENAI SOAL ASEAN MENJADI ORANG TENGAH DALAM PERSENGKETAAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA, +KITA SENTIASA BERSEDIA TETAPI SAMA ADA KITA DITERIMA ATAU TIDAK ADALAH SOAL LAIN+.

+PERKARA INI TELAH DISEBUT-SEBUT TETAPI KITA TIDAK TAHU SAMA ADA KEDUA-DUA PIHAK BERSETUJU ATAU TIDAK+.

TAMPAH BELIAU, +SEKALIPUN NEGARA-NEGARA BERKENAAN MENERIMA KITA, MASING-MASING AKAN MENGENAKAN SYARAT-SYARAT YANG BOLEH MENYEBABKAN TUGAS KITA MUSTAHIL DAPAT DILAKSANAKAN+.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA ASEAN TELAH PUN MENJELASKAN PENDIRIANNYA DAN SENTIASA MENYEDARI TENTANG TANGGUNG-JAWABNYA DI RANTAU INI + TETAPI KITA TIDAK DAPAT MEMAKSA ORANG LAIN MENFERIMA PENDAPAT KITA+. --BERNAMA 1452/BY